

PEMBANDARAN DAN PERKEMBANGAN WILAYAH METROPOLITAN LANJUTAN LEMBAH KLANG-LANGAT, MALAYSIA

Katiman Rostam

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Abstrak

Proses globalisasi ekonomi dan pembandaran yang pesat sedang berlaku di sekitar wilayah metropolitan di Asia Tenggara. Di Malaysia, Lembah Klang-Langat ialah sebuah wilayah metropolitan lanjutan (WML) yang pesat berkembang. Proses rebakan bandar ke pinggiran kini cenderung untuk menuju ke arah koridor selatan. Makalah ini bertujuan untuk membincang perkembangan ekonomi pembuatan dan perkhidmatan serta impaknya terhadap pembandaran petempatan di pinggiran WML Lembah Klang-Langat. Analisis data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia serta laporan ekonomi yang berkaitan daripada pelbagai sumber menunjukkan bahawa walaupun proses pembangunan ekonomi bandar dan pembandaran masih berlaku di pusat, tetapi wujud kecenderungan untuk menyebar ke kawasan pinggir Lembah Klang-Langat. Pengukuhan fungsi bandar raya metropolitan Kuala Lumpur dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan pengeluar moden seperti pusat penyelidikan, pengkomputeran, perbankan, penghantaran pantas, insurans yang dipermudahkan dengan teknologi terkini telah mewujudkan kesan ekonomi pembandaran yang penting kepada proses pengeluaran di wilayah tersebut. Kini semakin banyak ibu pejabat pengurusan korporat ditubuhkan di zon teras dan dalaman WML Lembah Klang-Langat. Manakala aktiviti pembuatan dan perkhidmatan awam cenderung untuk berpindah ke pinggiran. Perkembangan ini telah diikuti oleh pertumbuhan penduduk dan pembandaran yang pesat di zon luaran wilayah tersebut. Perpindahan ini mencetuskan pertumbuhan kawasan perumahan dan perkembangan bandar kecil yang terancang di pinggiran. Bagaimanapun ciri petempatan ini amat berbeza dengan fenomena yang dikenali ramai penulis sebagai *desakota* yang pernah wujud di beberapa bandar lain di Asia Tenggara. Walaupun belum mencapai status bandar raya mega, namun peluasan sempadan tepu bina WML ini telah membentuk sebuah konurbasi yang unggul di rantau ini.

Kata kunci: Wilayah Metropolitan Lanjutan, kawasan pinggiran, ekonomi pembandaran dan rebakan bandar

Abstract

The process of economic globalisation and urbanisation is currently taking place in and around Southeast Asian metropolitan regions. In Malaysia, the Klang-Langat Valley is an extended metropolitan region (EMR). The region is expanding very rapidly. The process of urban sprawl in the EMR tends to favour the southern corridor. This paper discusses the growth of manufacturing and service activities and their impacts on settlements located in the peripheral areas of the EMR. Analysis of data gathered from the Population and Housing Census of Malaysia and various economic reports indicates that the process of economic development and urbanisation in the Klang-Langat Valley EMR is mainly concentrated in the core and internal areas of the region. However there is a clear indication that such development is shifting towards

the peripheries. Various advanced producer services such as research and development, computeration, banking, insurance, fast forwarding and delivery services which are vital for manufacturing processes have emerged to strengthen the functions of metropolitan city of Kuala Lumpur. Availability of these services are facilitated by the most up-to date technology which could benefit firms located in the region in terms of urbanisation economy. Many more corporate headquarters are established in the core and internal zones while at the same time the manufacturing and public services relocate their activities to the peripheries of the EMR. The shift of economic activities to the peripheries has brought about change and urbanisation of the area, resulting in the growth of many housing schemes and planned small towns in the peripheries. However, characteristics of these settlements are clearly distinct from those settlements known to many writers as *desakota* which used to be found in many metropolitan cities of Southeast Asia. Although Kuala Lumpur has not been regarded as a mega city, in the near future, with the fast expansion of her built-up areas, the city will emerge as one of most prominent conurbations in this region.

Keywords: Extended Metropolitan Region, peripheral areas, urbanisation economy and urban sprawl

PENGENALAN

Proses globalisasi ekonomi dan pembangunan manusia sejagat mempunyai impak yang jelas terhadap ruang sesebuah negara, khususnya di kawasan bandar (Habitat 2002). Hal ini kerana proses perkembangan ekonomi dan pembangunan manusia cenderung berlaku di bandar. Dalam era perubahan masa kini, proses pembangunan ekonomi cenderung bertumpu ke kawasan bandar raya metropolitan. Keadaan ini disebabkan kawasan tersebut mempunyai kelebihan daya saing yang tinggi berbanding dengan bandar besar lain sama ada di dalam negara atau di luar negara. Hal ini wujud akibat adanya peluang untuk pengusaha meningkatkan kecekapan ekonomi jika firma ditempatkan di sekitar bandar raya metropolitan. Walaupun daripada satu segi keadaan ini boleh mewujudkan polarisasi dan pelebaran jurang pembangunan antara wilayah, tetapi daripada satu segi yang lain, penumpuan sedemikian boleh membantu memesatkan pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya. Malah, dalam era perubahan sekarang ini negara membangun tidak mempunyai banyak pilihan. Tekanan pasaran ekonomi global menyebabkan wilayah metropolitan terus menjadi pilihan pelabur, terutamanya pelaburan terus asing (*FDI*) yang kemasukannya dialu-alukan oleh pemerintah di negara membangun.

Salah satu impak langsung proses pembangunan dan pembedaan yang menumpu ialah perkembangan zon peri-bandar wilayah metropolitan yang tidak terkawal. Perkembangan sedemikian boleh menimbulkan masalah guna tanah yang tidak terancang dan kesukaran menyediakan kemudahan asas. Di sesetengah bandar

raya di negara membangun, impak ini cukup ketara. Misalnya di Dar es Salaam, Tanzania lebih 70 peratus penduduk kawasan peri-bandarnya mendiami petempatan tidak formal (setinggan dan slum). Keadaan ini berlaku akibat kurangnya kawalan guna tanah dan proses pambandaran yang pesat dalam keadaan kemiskinan yang serius (Kombe 2005). Di Beijing, China pula, kemasukan migran dari luar bandar beramai-ramai selepas tahun 1980-an telah memesatkan proses rebakan bandar sehingga menyukarkan kawalan guna tanah (Gu & Shen 2003). Proses rebakan bandar yang serupa berlaku di sekitar bandar raya metropolitan di Asia Tenggara, termasuk Kuala Lumpur. Proses ini berlaku dengan pesat hingga membentuk fenomena yang digelar Wilayah Metropolitan Lanjutan (WML). Bagaimanapun, ciri wilayah metropolitan ini berbeza antara sebuah metropolitan dengan sebuah metropolitan yang lain.

McGee (1991) dalam tulisannya suatu ketika dahulu merujuk pambandaran di kawasan pinggir bandar raya metropolitan di Asia Tenggara sebagai proses *kotadesasi* iaitu pambandaran tanpa menyebabkan migrasi secara besar-besaran. Zon peri-bandar atau zon *desakota* dalam Wilayah Metropolitan Lanjutan ini adalah kawasan transisi yang menjadi fokus pelbagai interaksi ekonomi wilayah berkenaan. Pada umumnya, di kebanyakan WML, zon ini mempamerkan enam ciri utama iaitu: kawasan yang padat dengan penduduk yang masih cergas terlibat dengan aktiviti primer khususnya pertanian, pertumbuhan yang pesat pekerja sektor bukan primer, tahap penyediaan infrastruktur yang baik, terdapat bekalan sumber manusia yang banyak dan murah, persekitaran dan mobiliti barangan dan pekerja yang kondusif serta tersepadu bagi tujuan pelaburan, dan wujudnya tanggapan *kelabu* di kalangan pemerintah terhadap zon ini sehingga menyebabkan kurangnya perhatian yang diberikan. Bagaimanapun, tidak semua WML di Asia Tenggara mempamerkan corak pambandaran yang sedemikian. Selain Singapura, Kuala Lumpur (Lembah Klang-Langat) juga cenderung untuk tidak mengalami proses kotadesasi (Macleod & McGee 1996). Hal ini kerana zon pinggir di sekitar bandar raya metropolitan tersebut cenderung untuk berbeza dengan keadaan di bandar raya metropolitan lain di Asia Tenggara, terutama daripada segi perubahan guna tanah dan petempatannya.

Berhubungan dengan pengenalan di atas, makalah ini bertujuan untuk membincangkan proses perubahan ekonomi di sekitar Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat serta impaknya terhadap pambandaran petempatan di kawasan pinggirannya. Isu yang ingin diketengahkan di sini ialah, perkembangan metropolitan Lembah Klang-Langat didorong oleh proses globalisasi ekonomi. Pertumbuhan sektor

ekonomi perkhidmatan dan pembuatan moden yang pesat menjadi pemangkin kepada proses pembandaran khususnya di zon pinggir wilayah tersebut


Bagi memenuhi tujuan makalah ini, data banci penduduk dan perumahan tahun 2000 yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia yang sebahagiannya tidak diterbitkan, juga laporan Malaysian Industrial Development Authority (*MIDA*), dan Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 2005, telah diolah. Hasil analisis pelbagai data berkenaan akan dibincangkan dalam bahagian berikut.

WILAYAH METROPOLITAN LEMBAH KLANG-LANGAT

Perbincangan dalam makalah ini ditumpukan kepada Wilayah Metropolitan Lembah Klang dan kawasan pinggirannya meliputi Lembah Langat (atau dikenali juga sebagai Lembah Klang II) yang secara bergabung membentuk Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat. Wilayah ini dapat dibahagikan kepada tiga iaitu zon teras, zon dalaman dan zon luaran (pinggiran). Penentuan zon teras, dalaman dan luaran adalah berdasarkan kaedah dan kriteria yang digunakan oleh beberapa pengkaji sebelum ini (Lee 1996; Jones 2002). Dalam makalah ini, Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat dirujuk kepada seluruh kawasan bandar raya metropolitan Kuala Lumpur dan bandar gabungan serta petempatan lain yang terletak dalam Lembangan Sungai Klang dan Sungai Langat. Wilayah ini meliputi Bandaraya Kuala Lumpur (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) sebagai zon teras, kawasan suburbiannya iaitu Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya, Selayang serta bandar lain yang berdekatan khususnya Shah Alam, Kajang dan Klang sebagai zon dalaman. Manakala kawasan dalam daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sepang dan Kuala Langat dikategorikan sebagai zon luaran. Dalam konteks makalah ini, gabungan ketiga-tiga zon teras, zon dalaman dan zon luaran tersebut digelar WML Lembah Klang-Langat (Rajah 1). Wilayah ini lebih luas lagi berbanding Wilayah Lembah Klang yang asal (hanya meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Daerah Petaling, Daerah Klang, Daerah Gombak, dan Daerah Hulu Klang). Keseluruhan WML Lembah Klang-Langat dianggarkan meliputi kawasan seluas lebih 4,000 kilometer persegi. Ada juga penulis yang merujuk Wilayah Lembah Klang digabungkan dengan Daerah Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat sebagai Wilayah Metropolitan Kuala Lumpur (Hassan Naziri *et al.* 2006).

Zon Luaran Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat yang akan diberi perhatian dalam makalah ini, khususnya dalam mengesan impak, adalah kawasan yang

terletak dalam daerah Sepang dan Kuala Langat. Bagaimanapun, beberapa daerah yang bersempadan dengan wilayah ini seperti Hulu Selangor, Seremban dan daerah Kuala Selangor turut diambil kira. Hal ini kerana kedudukan daerah tersebut (dalam kes ini Hulu Selangor dan Kuala Selangor) berada di pinggir wilayah, atau selain berjiran juga kerana salah satu hulu Sungai Langat terletak di daerah tersebut (dalam kes ini daerah Seremban). Oleh kerana tidak ada data yang selaras dengan sempadan



Rajah 1 Lembah Klang-Langat dan Kawasan Sekitarnya

zon yang tepat maka dalam banyak perkara, data yang berasaskan daerah pentadbiran di Lembah Klang-Langat digunakan. Kesesuaian pembahagian zon yang sedemikian sebenarnya ada batasan. Ketiadaan data khusus yang meliputi seluruh wilayah metropolitan tersebut menyebabkan hanya daerah Petaling, Klang, Hulu Langat dan Gombak sahaja yang diklaskan sebagai zon dalaman Lembah Klang-Langat. Walaupun tidak semua kawasan dalam daerah tersebut telah terbandar, misalnya Pulau Indah dan Hulu Semenyih masing-masing terletak di daerah Klang dan Hulu Langat yang sebahagiannya kawasan hutan, daripada segi praktisnya dikelaskan sebagai zon dalaman. Hal ini kerana sebahagian besar daerah Klang dan Hulu Langat berada dalam zon dalaman.

Sejak kebelakangan ini, proses suburbanisasi dan rebakan bandar berlaku dengan pesat. Proses ini dijangka menyatukan kedua-dua kawasan Lembah Klang dan Lembah Langat. Jika keseluruhan konurbasi, iaitu kawasan guna tanah bandar yang berterusan yang mengandungi sebuah bandar utama dan beberapa bandar gabungan, serta petempatan di pinggiran kedua-dua Lembah Klang dan Lembah Langat itu disatukan, sebuah wilayah metropolitan lanjutan yang lebih luas terbentuk. Makalah ini menumpukan perbincangan kepada isu tersebut.

GLOBALISASI EKONOMI DAN PEMBANGUNAN MEMUSAT

Fenomena pembangunan memusat bukan sesuatu yang baru. Malah fenomena tersebut juga bersifat sejagat. Pada masa penjajahan orang Barat ke atas negara membangun di Asia, Amerika Latin dan Afrika, aktiviti perdagangan lebih memihak kepada Barat. Para pelabur Barat mengeksploitasi sumber alam dan tenaga buruh murah di negara jajahan mereka untuk kepentingan ekonomi negara Barat. Aktiviti ekonomi perlombongan dan pertanian merupakan fokus pelaburan utama syarikat Eropah waktu itu. Salah satu kesan pembangunan ekonomi primer tersebut ialah pertumbuhan pusat pengumpul. Pelabuhan dan pusat pasaran ditubuhkan di negara jajahan untuk memudahkan proses penghantaran komoditi pertanian dan perlombongan ke negara Barat. Bagaimanapun, hanya wilayah tertentu sahaja yang berkembang. Hal ini kerana proses pembangunan cenderung bertumpu ke kawasan yang kaya dengan bekalan sumber alam. Keadaan tersebut menggalakkan pemandaran dan perkembangan bandar primat sehingga mewujudkan pola pembangunan tak seimbang (Henderson 1986; Slater 1986). Perkembangan ini juga dapatlah dianggap sebagai permulaan

proses pembandaran di negara membangun yang terkait secara langsung dengan pengantarabangsaan ekonomi, dan kemudiannya globalisasi ekonomi.

Pengantarabangsaan ekonomi bolehlah dirujuk di sini sebagai peningkatan hubungan perdagangan antarabangsa khususnya melalui perjanjian persefahaman dan kerjasama ekonomi antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain. Unit asas dalam hubungan tersebut adalah ruang negara dan wilayah yang berasaskan sempadan geografi. Tanpa mengira peningkatan hubungan yang berlaku, kewujudan negara berkenaan masih tetap utuh. Manakala istilah globalisasi yang difahami pada hari ini adalah suatu proses pengintegrasian ekonomi yang sebelumnya bersifat nasional, kepada suatu proses yang bersifat global melalui perdagangan dan mobiliti modal yang sangat bebas, juga melalui perpindahan antarabangsa tenaga buruh pelbagai arah destinasi yang sukar dikekang. Proses penyatuan dunia sebagai satu masyarakat ini berlaku dengan pantas akibat pengunduran kekangan fizikal dan budaya melalui kemajuan dalam teknologi perhubungan (untuk perbincangan lanjut lihat misalnya Knox & Taylor 1995 dan Sassen 2000). Perubahan tersebut juga berlaku dalam skala dan skop yang tidak pernah dialami sebelum ini. Malah penyatuan negara di dunia berlaku secara kompleks (Habitat 2002). Negara di dunia terangkai dalam suatu siratan ekonomi melalui jaringan komunikasi moden. Proses ini membolehkan semua pergerakan barangan, modal, maklumat dan buruh berlaku secara bebas merentasi sempadan negara dan pergerakan ini adalah bermotifkan ekonomi. Oleh itu, perdagangan antarabangsa yang suatu ketika dahulu banyak dipengaruhi oleh faktor kelebihan bandingan kini berubah menjadi perdagangan antara wilayah yang ditentukan oleh kelebihan daya saing wilayah berkenaan. Fokus kegiatan ekonomi dalam era global ini ialah pembuatan dan perkhidmatan. Kebanyakan aktiviti ini ditempatkan di sekitar bandar raya metropolitan.

Di peringkat global, perkembangan ekonomi pasaran yang lebih bebas telah meninggalkan kesan ruang yang langsung dan lebih signifikan, khususnya di negara membangun. Pelebaran jurang pembangunan tidak hanya antara negara maju dan negara membangun tetapi juga antara wilayah dalam negara membangun itu sendiri. Para sarjana berpendapat bahawa globalisasi bukanlah suatu proses pensejagatan dalam pengertian yang sebenar. Mittelman (1999) menghujah bahawa globalisasi adalah suatu trend perkembangan ekonomi yang hanya melibatkan sebahagian daripada kawasan dalam skala global mahupun nasional. Malah hanya sebahagian kecil anggota masyarakat yang terlibat dalam pengendalian dan pemantauan melalui institusi,

peraturan dan perjanjian termasuk GATT dan *World Trade Organization*, *North American Free Trade Agreement* serta amalan yang diwujudkan di peringkat global yang memihak kepada korporat transnasional dan kumpulan masyarakat tertentu. Perkembangan teknologi perhubungan menjadikan negara maju dan negara membangun lebih terbuka. Korporat gergasi di negara maju terutamanya Kumpulan Tujuh (*Group of Seven*) semakin berkuasa ke atas ekonomi dunia. Sementara negara membangun termasuk Kumpulan 15 (*Group of Fifteen*) berusaha mengurangi asakan pengaruh negatif korporat transnasional di negara masing-masing. Polarisasi dan jurang pembangunan akibat penguasaan ekonomi dunia oleh sekumpulan negara semakin ketara.

Di peringkat nasional pula, pola pembangunan ekonomi yang serupa berlaku. Ekonomi pasaran terbuka di negara membangun telah dipermudahkan oleh perubahan struktur sosial tempatan akibat anjakan paradigma serta sejarah kebangsaan negara berkenaan. Bertambahnya bilangan buruh yang terlatih dan murah di pasaran sangat sesuai dengan perubahan ini. Kerajaan di negara membangun telah melakukan penyesuaian secara proaktif bagi mencorakkan proses globalisasi yang berlaku di negara tersebut. Dasar awam yang sebelumnya memberi perhatian yang serius kepada isu menangani kemiskinan dan bersifat kebajikan, secara perlahan-lahan berubah hingga seolah-olah lebih memihak kepada sektor korporat. Akibatnya, keadaan pasaran semakin bebas. Para pelabur asing khususnya korporat transnasional, semakin berpengaruh dalam menentukan taburan dan letakan aktiviti ekonomi. Pilihan para pelabur adalah di sekitar bandar raya metropolitan.

Kelebihan daya saing bandar raya metropolitan dalam konteks aglomerasi ekonomi pembandaran dimanfaatkan sepenuhnya oleh para korporat. Kluster aktiviti ekonomi tumbuh dengan pesat di sekitar bandar raya metropolitan. Zon di sekitar bandar raya metropolitan terus menjadi tumpuan pelaburan. Globalisasi ekonomi telah mempengaruhi pembentukan ruang bandar di negara membangun. Salah satu kesan tersebut adalah perkembangan wilayah metropolitan lanjutan (WML), suatu proses ke arah pembentukan bandar raya mega (Olds 2001; Marshall 2003). Zon pinggiran wilayah metropolitan termasuk kawasan desa terus tertekan dan berubah menjadi bandar.

Proses pembangunan yang menumpu dapat diperhatikan hampir di semua negara di dunia. Negara Asia Tenggara seperti Malaysia juga tidak terkecuali. Di Malaysia, Wilayah Tengah yang meliputi Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur dan Melaka terus mengalami pertumbuhan ekonomi dan sosial yang pesat. Penunjuk pembangunan sosioekonomi bagi negara Malaysia dapat membuktikan hakikat ini. Misalnya Indeks Komposit Pembangunan bagi Wilayah Tengah pada tahun 2005 rata-rata adalah melebihi 102 berbanding Wilayah Timur, Sabah dan Sarawak rata-rata kurang 96. Manakala pendapatan purata bulanan isi rumah pada tahun 2004 bagi Wilayah Tengah rata-rata lebih tinggi iaitu mencapai RM3,966 berbanding RM2,287 di Wilayah Timur, Sabah dan Sarawak. Trend kemasukan pelaburan asing juga lebih memihak wilayah yang lebih maju. Walaupun Malaysia menerapkan pendekatan pembangunan melalui pertumbuhan dan pengaian yang seimbang tetapi jurang pembangunan antara wilayah dalam negara masih ketara. Pekali Gini bagi pendapatan isi rumah bulanan kasar Malaysia cenderung untuk meningkat daripada 0.452 pada 1999 kepada 0.462 pada 2004 (Malaysia 2006). Pelebaran jurang kemajuan sosioekonomi antara wilayah tersebut amat berkait rapat dengan trend pembangunan negara kebelakangan ini. Wilayah Tengah Malaysia yang lebih terbandar terus menjadi tarikan bagi pasaran ekonomi global. Polarisasi pembangunan dan pembedaan terus berlaku. Wilayah maju yang berdaya saing dan terbandar terus maju. Peluasan bandar dan pembedaan di pinggir wilayah metropolitan merupakan fenomena ruang yang berkait rapat dengan proses penumpuan ekonomi dalam era global.

POLARISASI PEMBANGUNAN DAN PEMBANDARAN: LEMBAH KLANG-LANGAT, MALAYSIA

Hingga ke alaf baru, proses pembangunan dan pembedaan di Malaysia banyak dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi dalam sektor pembuatannya. Krisis kewangan yang melanda rantau Asia hampir sedekad yang lalu, telah memperlambatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara khususnya melalui sektor perindustrian. Sejak krisis tersebut, pelbagai usaha pemulihan telah dilakukan oleh kerajaan untuk menangani masalah tersebut termasuklah melalui penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Badan ini telah menggalurkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara sebagai agenda untuk tindakan berterusan. MTEN telah meletakkan enam matlamat utama untuk dicapai iaitu menstabilkan nilai ringgit, memulihkan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan, mengukuhkan asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan sosioekonomi, serta pemulihan sektor yang terjejas (MTEN 1998). Pelan ini telahpun dilaksanakan. Sejak pelaksanaan pelan pemulihan tersebut, Malaysia telah mencapai pelbagai kemajuan.

Hingga kini, purata kadar pertumbuhan ekonomi negara umumnya adalah di sekitar 7.5 peratus setahun. Angka tersebut adalah seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005 (Malaysia 2001). Bagaimanapun, kadar pertumbuhan purata sektor pembuatan di sepanjang rancangan tersebut hanyalah 4.1 peratus setahun (Malaysia 2006). Selain pencapaian di atas, laporan *World Bank Group* pula ada menyebutkan bahawa daripada 145 buah negara, Malaysia adalah antara negara Asia Timur yang menduduki rank keenam teratas bersama Japan, Singapura, Thailand, Taiwan dan Hongkong dalam konteks kemudahan untuk menjalankan perniagaan (Fernandez 2004). Laporan *World Competitiveness Yearbook 2006* pula menyebutkan bahawa Malaysia adalah negara yang ke-23 paling kompetitif daripada 61 negara di dunia berbanding kedudukan ke-28 pada tahun 2005 (MIDA 2006). Kedudukan ini membuktikan bahawa Malaysia mempunyai daya tarikan yang kuat kepada para pelabur, khususnya pelabur asing yang ingin melabur di rantau ini. Bagaimanapun, tarikan tersebut tidak merata, sebaliknya hanya tertumpu di kawasan tertentu sahaja, terutamanya di sekitar bandar raya metropolitan.

PENUMPUAN AKTIVITI PEMBUATAN KE WILAYAH TENGAH

Pada tahun 2005, negeri di Wilayah Tengah iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyumbang sejumlah 41.1 peratus Keluaran Negara Kasar (KNK) dengan kadar pertumbuhan 4.6 peratus setahun (2001-2006). Penyumbang utama KNK tersebut adalah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Daripada keempat-empat negeri di Wilayah Tengah tersebut, Negeri Selangor mencatatkan kadar pertumbuhan KNK yang paling pesat iaitu 5.2 peratus setahun bagi tempoh 2001-2005 dan dijangka meningkat kepada 6.2 peratus setahun bagi tempoh lima tahun berikutnya (Malaysia 2006). Negeri Selangor sahaja menyumbang 22.1 peratus pelaburan dalam sektor pembuatan dengan mencatatkan jumlah kumulatif 1,517 projek dengan nilai pelaburan RM29.3 bilion bagi tempoh 2001-2005. Jadual 1 menunjukkan hal tersebut.

Jadual 1 Projek perindustrian yang diluluskan mengikut negeri di Malaysia, 1986-2005

Negeri	1986-1990		1991-1995		1996-2000		2001-2005	
	Projek	Pelaburan (RM juta)	Projek	Pelaburan (RM juta)	Projek	Pelaburan (RM juta)	Projek	Pelaburan (RM juta)
Johor	760	7,798.5	986	13,385.0	857	19,775.2	1,091	19,031.1
Kedah	165	4,985.2	279	8,859.1	233	12,214.6	275	9,118.8
Kelantan	25	101.9	26	1,092.3	44	543.1	40	474.9
Melaka	112	2,418.8	153	9,101.3	164	6,750.2	205	10,317.0
N. Sembilan	101	1,897.9	202	7,570.7	165	6,200.1	184	6,327.7
Pahang	70	2,265.3	75	3,490.2	116	10,405.7	88	4,739.1
Perak	192	1,577.6	290	10,764.3	259	6,283.4	265	6,955.5
Perlis	10	36.2	39	2,246.9	13	1,575.0	13	83.0
Pulau Pinang	432	4,591.4	514	5,675.6	519	16,592.6	663	14,997.0
Sabah	129	1,727.1	223	4,658.0	125	3,725.3	145	6,834.5
Sarawak	120	5,458.6	153	10,817.9	181	15,338.9	175	16,443.0
Selangor	946	14,018.0	1,156	21,610.3	1,051	23,479.5	1,517	29,245.3
Terengganu	36	11,090.4	86	16,421.5	79	13,225.1	31	5,706.6
W.P. K Lumpur	107	583.2	115	458.7	97	853.6	111	2,041.8
W.P. Labuan	-	-	-	-	5	32.1	4	41.8
Malaysia	3,205	58,550.1	4,297	116,151.8	3,908	136,994.4	4,807	132,357.0

Sumber: Malaysian Industrial Development Authority (MIDA). 2006.

Jika dibandingkan dengan negeri lain di Malaysia yang turut menjadi tumpuan pelaburan sektor pembuatan iaitu Pulau Pinang dan Johor, Negeri Selangor juga masih menduduki tempat teratas. Sebenarnya, penumpuan ke negeri tersebut telah berlaku sejak 1970-an lagi. Namun, peningkatan hanya menjadi lebih ketara sejak kebelakangan ini. Antara 2001 dan 2005, sejumlah 68.1 peratus daripada 4,807 projek perindustrian yang diluluskan dimajukan di ketiga-tiga negeri tersebut, peningkatan sebanyak 6.0 peratus berbanding tempoh sebelumnya (1995-2000). Bagaimanapun, peningkatan yang paling ketara, 44.3 peratus bagi bilangan projek diluluskan dan 24.5 peratus bagi jumlah pelaburan, adalah di Negeri Selangor. Peningkatan jumlah projek dan modal pelaburan ke Negeri Selangor menunjukkan bahawa wujud penumpuan dan pemusatan yang ketara dalam proses perindustrian di negara ini. Selangor mempunyai tarikan yang cukup kuat justeru itu berdaya saing tinggi berbanding negeri lain di negara ini.

Secara umumnya, kesemua negeri yang menerima pelaburan terbanyak itu mempunyai kedudukan geografi yang baik yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan perdagangan selain mempunyai bekalan sumber manusia yang terlatih dan banyak, serta endowmen wilayah dalam tapak perindustrian yang sesuai dimajukan, sumber alam dan

kemudahan asas seperti pelabuhan, jalan pengangkutan dan lapangan terbang yang bertaraf dunia. Bagaimanapun, kelebihan daya saing Negeri Selangor jauh mengatasi negeri lain. Negeri Selangor turut menawarkan kelebihan daya saing daripada segi sumber manusia yang rata-rata berkemahiran tinggi, kekuatan endowmen wilayah khususnya kehampiran dengan sumber bahan yang diimport, pusat pentadbiran negara, institusi pendidikan dan penyelidikan, perbankan, pusat rekreasi dan sebagainya yang kurang terdapat di tempat lain, juga struktur ekonomi yang kondusif terutamanya daripada segi kos tapak dan upah buruh yang kompetitif, serta kemudahan yang bersifat keinstitutional yang boleh memudahkan proses pengeluaran. Kelebihan ini menjadikan Selangor, khususnya Lembah Klang-Langat terus menjadi tarikan pelabur.

PENGUKUHAN FUNGSI METROPOLIS KUALA LUMPUR SEBAGAI PUSAT PERKHIDMATAN TERMAJU

Laporan Pelaburan Dunia 2004 meramalkan bahawa ekonomi dunia masa kini sedang menuju kepada sektor perkhidmatan (United Nations 2004). Kini, hubungan antara aktiviti pembuatan dengan perkhidmatan semakin rapat. Hal ini kerana kedua-duanya saling memerlukan dan melengkapi, malah kadang-kadang sukar untuk membezakan antara produk aktiviti pembuatan dengan produk aktiviti perkhidmatan (Dicken 1992). Dalam hal tersebut pengukuhan aktiviti perkhidmatan memberi kesan positif kepada sektor pembuatan. Perubahan peranan Kuala Lumpur daripada pusat pentadbiran awam, kebudayaan, pembuatan dan pengangkutan kepada pusat perdagangan dan perkhidmatan pengeluar yang unggul adalah sejajar dengan trend global tersebut. Perubahan ini turut memberi manfaat kepada Negeri Selangor untuk muncul sebagai wilayah perindustrian terbesar dan maju di negara ini. Hal ini kerana penyediaan kemudahan perkhidmatan sokongan dan aktiviti logistik tersebut amat penting bagi pertumbuhan sektor pembuatan di Negeri Selangor. Aktiviti perkhidmatan pengeluar, iaitu aktiviti perkhidmatan yang kian penting dalam menyokong proses pengeluaran dan perkhidmatan moden yang lain bersifat global. Aktiviti tersebut termasuklah pengkomputeran, perbankan, insurans, perakaunan, guaman, pembrokeran saham dan komoditi, perundingan kepakaran dalam pelbagai bidang kejuruteraan, pembinaan, pengurusan, pelancongan, perubatan dan pengiklanan. Turut penting ialah perkhidmatan penghantaran pantas dan tepat masa, penyelidikan dan pembangunan inovasi. Kewujudan perkhidmatan tersebut di sekitar Kuala Lumpur dan

bandar besar lain di sekitarnya merupakan aset dan kelebihan yang sangat penting kepada Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat.

Kelebihan yang juga tidak kurang pentingnya dapat dilihat melalui penyediaan ruang niaga moden di zon teras WML Lembah Klang-Langat. Pembinaan ruang niaga moden khususnya pejabat pengurusan yang bersifat pintar dan menarik dengan imej global seperti yang ditampilkan oleh beberapa mercu tanda Kuala Lumpur khususnya Menara Berkembar Petronas, mampu menarik pelabur untuk menempatkan aktiviti pengurusan firma mereka ke pusat tersebut. Penawaran khidmat yang menyokong proses pengeluaran aktiviti ekonomi moden semakin banyak bertumpu di bandar metropolitan khususnya Kuala Lumpur. Di samping itu, perkhidmatan tersebut juga terdapat di bandar besar yang lain yang berhampiran seperti Petaling Jaya, Shah Alam, Klang dan Subang Jaya. Penumpuan aktiviti perkhidmatan tersebut di wilayah metropolitan ini semakin meningkat dari semasa ke semasa (Jadual 2).

Jadual 2 menunjukkan penumpuan yang cukup ketara pelbagai fungsi metropolitan moden seperti agensi perkhidmatan pengkomputeran, agensi penghantaran khususnya kargo udara dan laut, broker saham, komoditi, agensi wang asing, pengiklanan dan hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor. Perkhidmatan pengeluar ini sangat penting kepada proses pengeluaran ekonomi moden dalam era globalisasi. Kehadiran fungsi penghantaran, dan pelancongan juga agak ketara. Selain itu, terdapat juga fungsi seperti telekomunikasi, walaupun bilangannya tidak banyak tetapi nilai output kasarnya cukup tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pertubuhan tersebut berskala besar dan mampu mengendalikan perkhidmatan yang bersifat global sesuai dengan keperluan ekonomi masa kini. Penumpuan perkhidmatan pengeluar di Kuala Lumpur dan Selangor memberi tarikan yang kuat kepada para pelabur, khususnya pelaburan asing langsung.

Jadual 2 Perkhidmatan terpilih yang berpejabat di Wilayah Persekutuan
 Kuala Lumpur dan Negeri Selangor, 2002

Perkhidmatan	Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur		Selangor		Malaysia		% Sumbangan Kuala Lumpur & Selangor	
	Pertumbuhan	Output kasar (Juta) RM	Pertumbuhan	Output kasar (Juta) RM	Pertumbuhan	Output kasar (Juta) RM	Pertumbuhan	Output kasar
Pembinaan	554	5,972.3	970	15,204	4,328	41,756	35.2	50.7
Pengangkutan laut	44	4,905.9	55	413	364	6,952	39.3	76.5
Agensi hartanah	149	46.6	120	47	416	124	64.7	75.7
Pengangkutan bas awam	28	383.3	9	48	260	1,007	14.2	42.8
Pengangkutan kargo darat	56	416.0	54	1,611	802	4,004	13.7	50.6
Agensi pelancongan	341	1,729.2	49	165	1,007	3,057	38.7	61.9
Agensi penghantaran	16	201.4	261	1,061	771	1,700	35.9	74.2
Kendali kargo & punggah	5	44.3	36	156	141	836.0	29.1	23.9
Agensi pengiklanan	90	1,483.2	62	494	191	2,013.6	79.6	98.2
Hotel & penginapan lain	209	1,348.8	56	633	1,869	4,914.2	14.2	40.3
Agensi telekomunikasi	40	19,050.0	16	2,503	59	21,555.0	94.9	99.9
Perkhidmatan komputer ¹	204	3,129	181	3,425	502	6,808	76.7	96.3
Pakarunding kejuruteraan ²	155	615	149	374	522	1,255	58.2	78.8
Broker saham & komoditi	48	674.5	14	286	97	1,361	63.9	70.6

¹Perangkaan bagi tahun 2003.

²Perangkaan bagi tahun 2000.

Sumber: Malaysia. 2006. Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 2005. Putrajaya:
 Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain perkembangan fungsi perkhidmatan pengeluaran, pembangunan projek mega seperti Petronas Twin Towers, Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang, dan yang seumpamanya, turut meningkatkan imej global metropolis Kuala Lumpur. Usaha kerajaan menyediakan ruang bagi menempatkan aktiviti perkhidmatan termaju ini juga dapat meningkatkan citra dan seterusnya daya saing Kuala Lumpur sebagai sebagai pusat perkhidmatan yang bertaraf dunia (Morshidi Sirat & Suriati Ghazali 1999). Kehadiran bangunan moden yang menarik yang menempatkan fungsi perkhidmatan metropolitan moden ini juga boleh meningkatkan rank Kuala Lumpur dalam hierarki bandar raya global. Sehingga kini, kedudukan Kuala Lumpur dalam rank bandar dunia masih lagi berada di bawah Singapura yang berjaya menempatkan banyak ibu pejabat korporat syarikat rentas negara (MNC) khususnya dalam sektor kewangan, perdagangan dan perkhidmatan profesional (Perry 1995). Walaupun Kuala Lumpur masih lagi belum dapat

menyamai Singapura mahupun Manila dalam konteks sumbangannya kepada aktiviti perdagangan antara negara Asia Tenggara, penguasaan Malaysia, misalnya pada tahun 1995 adalah kira-kira 26 peratus berbanding Singapura 46 peratus (Poon 2003). Keadaan ini menunjukkan Kuala Lumpur, sebagai ibu kota negara, sedang menuju ke arah meningkatkan daya saing bagi membangunkan sektor perkhidmatannya.

Kehadiran pelbagai aktiviti perkhidmatan pengeluar yang menyokong aktiviti ekonomi lain termasuk pembuatan di bandar besar boleh menggalakkan pelbagai bentuk aglomerasi. Selain aglomerasi melalui ekonomi skala, perkongsian kemudahan, perkongsian kepakaran dan pasaran, penawaran pelbagai perkhidmatan pengeluar juga menggalakkan firma berklaster untuk meningkatkan kecekapan. Pengklasteran industri berlaku akibat adanya keperluan yang saling memanfaatkan firma dalam proses pengeluaran mahupun penyediaan perkhidmatan (Fatimah *et al* 2006). Misalnya antara firma pengeluar dan pembekal, penghantar, pelindung insurans dan perunding. Pengklasteran juga boleh berlaku akibat hubungan antara firma yang kian rapat terutamanya dalam mendapatkan faedah melalui ekonomi pembedaran. Bandar raya metropolitan khususnya Kuala Lumpur dan bandar besar lain di Lembah Klang-Langat turut menawarkan pelbagai faedah ekonomi persetempatan misalnya kemudahan yang bersifat keinstitutional seperti kehampiran dengan pejabat pentadbiran awam khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (*MITI*) yang menyediakan pelbagai maklumat penting kepada pelabur; Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri yang penting untuk tujuan rujukan tentang percukaian serta membina persefahaman, memupuk perasaan saling mempercayai antara pegawai dan klien; Kementerian Sumber Manusia untuk mendapatkan maklumat tentang tenaga buruh; Institut Penilaian Negara sebagai tempat rujukan bagi tujuan pemiawaian; Pejabat Imigresen yang penting kepada pengambilan buruh serta pakar asing; Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Bandaraya Shah Alam atau pihak berkuasa tempatan lain seperti Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang, Kajang, Selayang dan Ampang Jaya, juga penting kerana perkhidmatan setempat yang disediakan boleh memudahkan aktiviti pelaburan. Struktur ekonomi Lembah Klang-Langat yang berasaskan kepada pembuatan dan perkhidmatan dengan upah buruh yang kompetitif, serta kehadiran pelbagai institusi latihan, pusat penyelidikan dan pembangunan, menambah daya dan tarikan wilayah berkenaan. Iklim pelaburan di Lembah Klang-Langat yang sedemikian baik juga turut menggalakkan pengklasteran aktiviti ekonomi di kalangan pelbagai firma.

Satu lagi ciri wilayah yang berdaya saing ialah kewujudan suasana harmoni dan akrab di kalangan pengusaha, pegawai awam dan peniaga dalam pelbagai aktiviti sama ada

pembuatan ataupun perkhidmatan. Darjah keakraban yang tinggi boleh merendahkan kos pengeluaran dan seterusnya meningkatkan kecekapan dan daya saing bandar raya metropolitan seperti Kuala Lumpur di Lembah Klang-Langat. Imej bandar raya yang mempunyai sifat keakraban yang baik dengan ciri, norma dan amalan seperti pengusaha yang mudah dipercayai, para pegawai awam yang berintegriti, rasional dalam membuat keputusan tentang pelaburan, mudah dirundingi, telus dan sangat bekerjasama, perlu dipupuk. Imej tersebut boleh menjadi tarikan yang penting kepada pelabur. Lembah Klang-Langat, khususnya bandar raya Kuala Lumpur pada umumnya mempunyai sebahagian daripada perkara tersebut.

PERBANDARAN DI ZON TERAS DAN ZON DALAMAN

Perkembangan ekonomi pembuatan dan perkhidmatan di Wilayah Tengah merupakan pencetus proses pemandaran yang pesat di WML Lembah Klang-Langat. Di samping pertumbuhan penduduk semula jadi, zon teras dan zon dalaman turut menerima kemasukan migran dari luar dan dalam Negeri Selangor. Trend pertumbuhan penduduk metropolis Kuala Lumpur dan bandar besar lain yang terdapat di sekitarnya cenderung untuk menunjukkan bahawa zon teras WML sedang mengalami proses pematangan. Keadaan ini ditunjukkan melalui kadar pertumbuhan penduduk yang kian perlahan. Berbanding bandar lain di sekitarnya, pada tempoh 1991-2000, metropolis tersebut mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan terendah iaitu 1.3 peratus setahun (Jadual 3).

Jadual 3. Pertumbuhan penduduk bandar utama di WML
Lembah Klang-Langat 1991-2000

Bandar	Penduduk 1991 (,000)	Penduduk 2000 (,000)	Purata kadar pertumbuhan Tahunan (%)
Kuala Lumpur	1,145.3	1,297.5	1.3
Klang	368.4	631.7	6.0
Petaling Jaya	351.0	438.1	2.5
Subang Jaya	79.0	423.3	18.7
Ampang Jaya*	290.5	478.6	5.5
Shah Alam	158.4	319.6	7.8
Selayang	134.2	187.7	3.7
Kajang	100.5	207.3	8.1

- Sumber:* 1. Malaysia. 2001. Population and Housing Census of Malaysia 2000. Preliminary Count. Report for Urban Rural Areas. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia
2. Malaysia 2001. Population and Housing Census of Malaysia 2000. Population Distribution by Local Authority Areas and Mukims. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pemodenan struktur serta landskap Kuala Lumpur memberi kesan tidak langsung kepada pertumbuhan penduduknya. Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan metropolis tersebut telah merosot daripada 2.0 peratus bagi tempoh 1980-1991 kepada 1.3 peratus bagi tempoh 2000-1991. Kemerosotan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh migrasi keluar penduduk kawasan teras ini ke pinggiran. Misalnya bagi tempoh 1995-2000, sejumlah kira-kira 31 peratus migran yang masuk ke daerah Sepang dan Hulu Langat berasal dari Lembah Klang, khususnya Kuala Lumpur (Katiman Rostam 2004). Migrasi ini telah menyumbang kepada pertumbuhan penduduk yang pesat bandar kecil di zon luaran wilayah metropolitan tersebut.

Di sebalik kemerosotan penduduk Kuala Lumpur, pertumbuhan penduduk yang ketara dapat diperhatikan di bandar besar lain di WML tersebut. Antara bandar yang paling pesat mengalami pertumbuhan penduduk ialah bandar yang terletak di zon dalaman khususnya Subang Jaya, Shah Alam, Klang dan Kajang. Petaling Jaya, sebuah bandar suburbia yang terletak di pinggir Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah lama dibina mencatatkan kadar pertumbuhan yang agak perlahan. Hal ini dapat dikaitkan dengan perpindahan penduduk keluar dan kekurangan kawasan tanah yang sesuai dibangunkan untuk tempat kediaman. Di bandar lain, kawasan tanah yang sesuai untuk dibangunkan dengan rumah kediaman masih boleh didapati. Kekurangan kawasan merupakan faktor utama yang memperlambatkan pertumbuhan penduduk dan seterusnya pembandaran di zon teras dan sebahagian zon dalaman WML berkenaan.

PENYAHPUKATAN AKTIVITI PERINDUSTRIAN DAN PERKHIDMATAN KE ZON LUARAN: PEMBANDARAN DESA DI PINGGIRAN WML

Perkembangan aktiviti perkhidmatan pengeluar di metropolis Kuala Lumpur dan bandar besar di sekitarnya menjadikan fungsi bandar raya tersebut terus kukuh. Keperluan kepada ruang bagi menempatkan aktiviti perkhidmatan korporat termaju di zon teras semakin besar. Keadaan ini mendorong sesetengah aktiviti pembuatan dan perkhidmatan awam swasta

berpindah ke zon dalaman dan zon pinggiran WML Lembah Klang-Langat. Zon dalaman dan zon pinggiran tersebut, antara lain menawarkan kos tapak dan kemudahan asas pembinaan yang lebih rendah berbanding dengan kos di zon teras.

Penyerakan Aktiviti Pembuatan

Kewujudan iklim pelaburan yang menarik di Lembah Klang-Langat telah menggalakkan kemasukan pelabur yang agak ramai pada masa kebelakangan ini. Jumlah modal pelaburan ke negeri Selangor telah meningkat daripada RM21.5 bilion pada tempoh 1991-1995 kepada kira-kira RM23.5 bilion pada tempoh 1996-2000. Modal pelaburan asing langsung meningkat kepada RM29.2 bilion pada tempoh 2001-2005. Walaupun jumlah tersebut hanya kira-kira 22.1 peratus daripada jumlah pelaburan di seluruh negara, namun penumpuan tersebut sudah dapat dianggap tinggi berbanding pelaburan di negeri lain. Lagipun, kemasukan modal asing ke negeri seperti Sarawak, Terengganu dan Pahang selain Kedah, Pulau Pinang dan Johor dapat dikaitkan dengan industri berat berkala besar. Penyebaran industri berat ke negeri tersebut dapat dikaitkan dengan pembukaan kawasan perindustrian asas sumber, khususnya industri petrokimia di negeri Terengganu, Pahang, Sarawak dan Sabah. Pelaburan ke Negeri Selangor umumnya lebih dicirikan oleh industri skala kecil dan sederhana yang berteknologi tinggi seperti pengeluaran bahan makanan, barangan pengguna, komponen automotif, semi konduktor dan perkakas elektrik.

Penelitian lanjut taburan aktiviti pembuatan di Negeri Selangor menunjukkan bahawa tumpuan hanya ke kawasan tertentu sahaja. Pusat tarikan utama di negeri tersebut adalah daerah yang telah maju, khususnya daerah Petaling, Hulu Langat dan Klang. Kedua-dua daerah tersebut terletak dalam zon dalaman Wilayah Metropolitan Lanjutan Lembah Klang-Langat, pusat pertumbuhan utama negara pada masa kini (Jadual 4).

Jadual 4. Pelaburan yang diluluskan dalam sektor industri pembuatan mengikut daerah di Negeri Selangor (Januari-Disember 2005)

Daerah	Bilangan Projek	Potensi peluang Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM Juta)	Pelaburan Asing Langsung (RM Juta)	Jumlah Pelaburan (RM Juta)
Petaling	79	5,163	1,270.9	1,061.2	2,332.0
Klang	64	6,178	660.7	985.5	1,645.2
Kuala Selangor	18	1,019	139.4	5.0	144.4
Hulu Langat	38	2,075	421.2	232.0	653.1
Gombak	5	188	28.4	3.2	31.7
Kuala Langat	8	737	143.6	48.9	192.4
Hulu Selangor	16	902	176.5	47.4	223.9
Sepang	1	8	0.0	0.4	0.4
Sabak Bernam	2	142	36.1	0.0	36.1
Lain-lain	104	6,003	1,779.5	1,427.5	3,207.1
Jumlah	335	22,415	4,656.3	1,427.5	8,467.4

Sumber: Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) 2006.

Daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat yang menempatkan bandar utama seperti Petaling, Jaya, Shah Alam, Subang Jaya, Klang dan Kajang, menerima pelaburan yang terbesar. Walaupun wujud penumpuan pelaburan ke zon dalaman tetapi terdapat tanda bahawa zon pinggir wilayah metropolitan tersebut mula mendapat perhatian pelabur. Misalnya daerah Kuala Langat menerima pelaburan paling banyak (43 peratus daripada jumlah pelaburan) pada 2006, khususnya pelaburan asing (52 peratus daripada jumlah pelaburan asing di seluruh negeri). Daerah lain yang turut menjadi tumpuan termasuklah Hulu Selangor. Bagaimanapun kemasukan modal pelaburan yang tinggi iaitu kira-kira 22 peratus daripada jumlah pelaburan tahun tersebut, ke daerah Kuala Langat adalah suatu perkara yang agak unik. Hal ini mungkin boleh dikaitkan dengan pembangunan industri besi Megasteel Sdn. Bhd. milik *The Lion Group* yang telah mula beroperasi sejak awal tahun 2000 dengan jumlah pelaburan RM2.5 bilion. Industri ini adalah antara aktiviti penting di Olak Lempit selain Kompleks Industri Perabot, iaitu kawasan perindustrian yang terletak dalam daerah tersebut. Pembinaan beberapa kilang elektronik dan kimia di kawasan perindustrian Telok Panglima Garang juga menyumbang kepada perkembangan tersebut.

Kedatangan pelabur ke daerah Kuala Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Seremban khususnya Nilai di Negeri Sembilan, sebahagiannya adalah disebabkan oleh ketepuan kawasan perindustrian di zon teras dan dalaman, terutamanya di daerah Petaling dan Klang. Oleh itu perhatian pelabur kini mula beralih ke kawasan pinggiran.

Salah satu kawasan pinggiran yang mengalami perkembangan pesat pada masa kebelakangan ini, ialah Koridor Selatan Wilayah Tengah. Koridor ini meliputi daerah Seremban di Negeri Sembilan. Bermula dari kawasan perindustrian seperti Balakong, Bandar Baru Bangi dan Beranang di Hulu Langat (zon dalaman), kini koridor tersebut meluas hinggalah ke Seremban dan Port Dickson. Zon ini dijangka akan terus berkembang hingga ke Alor Gajah dan Melaka Tengah di Melaka. Pada masa ini kawasan perindustrian Nilai dan Seremban Dua di Negeri Sembilan yang turut menerima kesan limpahan daripada Lembah Klang-Langat, sedang pesat membangun.

Selain itu, beberapa kawasan perindustrian baru (IKS) mula berkembang di daerah Sepang khususnya di Salak Tinggi dan Dengkil. Malah di daerah Kuala Langat, Pulau Carey yang kelihatannya terpencil, kini sedang dibangunkan sebagai pusat pelancongan dan hub pendidikan moden. Penyertaan banyak syarikat asing dalam projek tersebut melalui Konsortium Tanjung Ru Marine City Sdn. Bhd. Bagi memajukan 2,712 hektar tanah di pulau tersebut membabitkan pelaburan bernilai RM2.5 bilion adalah projek yang boleh memberi impak besar terhadap Lembah Klang-Langat (Hizral Tazzif 2006). Kehampirannya dengan Kompleks Pelaburan Barat di Pulau Indah yang kian maju dengan pelbagai perkhidmatan pengantara, merupakan tarikan utama Pulau Carey pada masa yang terdekat. Secara keseluruhannya, perkembangan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan ke pinggiran wilayah metropolitan telah menggalakkan perkembangan bandar baru dan bandar sedia ada di daerah tersebut. Hal ini mencetuskan proses pemandaran desa di pinggiran sehingga meluaskan lagi sempadan geografi wilayah bandar raya metropolitan.

Penyuraian Aktiviti Perkhidmatan Awam, Pendidikan dan Perniagaan

Penempatan semula aktiviti perkhidmatan ke kawasan pinggiran telah bermula sejak tahun 1980-an lagi. Pembangunan Bandar Baru Bangi dikaitkan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Penyelidikan Nuklear (MINT), Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit (PORIM), dan pelbagai pusat latihan agensi korporat seperti Petronas, Pusat Penilaian Negara, Kumpulan Simpanan Wang Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negara, Tenaga Nasional, juga pusat latihan perbankan seperti Maybank dan Bumiputera Commerce. Sejak 1990-an, pula bandar baru Putrajaya mula dibangunkan bagi menempatkan kebanyakan agensi Pentadbiran

Kerajaan Persekutuan. Pemindahan pejabat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ke bandar baru tersebut adalah suatu proses penyuraian fungsi metropolis Kuala Lumpur. Perpindahan keluar pejabat pentadbiran awam, telah menggalakkan pertumbuhan bandar baru.

Pada masa yang sama banyak institusi pendidikan awam dan swasta turut berpindah atau dibina di kawasan pinggiran. Misalnya sekolah primer berasrama penuh Sekolah Alam Shah dipindahkan ke Putrajaya; Universiti Multimedia, Kolej Universiti Lim Kok Wing dan Sekolah Sri Puteri ke Cyberjaya; Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan Kolej Inti ke Nilai; Universiti Kuala Lumpur ke Jenderam; Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) ke Bukit Mahkota; Kampus Cawangan Universiti Nottingham ke Semenyih; selain beberapa universiti dan kolej yang sedia bertapak di pinggiran seperti Universiti Tenaga Nasional dan Kolej Universiti Infrastruktur Sungai Merab (Bandar Baru Bangi). Pembangunan pusat pendidikan di zon pinggiran ini juga selari dengan pembinaan lapangan terbang antarabangsa (KLIA) yang baru dan Medan Lumba Kereta *Formula One* di Sepang, telah menggalakkan perkembangan pusat pertumbuhan baru di zon tersebut. Turut berkembang ke zon dalaman dan pinggiran adalah aktiviti perniagaan skala besar. Beberapa pasar raya mega tumbuh di zon dalaman khususnya di sekitar bandar Kajang seperti TESCO dan GIANT, selain pasar raya saiz sederhana seperti Mydin, Billion, Bintang, Warta dan Econsave. Beberapa pasar raya dan pusat membeli belah moden juga tumbuh di sekitar Sri Kembangan dan Balakong. Penyerakan aktiviti ini telah menyumbang kepada pemandaran di kawasan dalaman dan pinggiran WML Lembah Klang-Langat.

Pemandaran Desa di Pinggiran WML

Peningkatan daya saing Wilayah Metropolitan Lembah-Kalang Langat melalui pengukuhan fungsi, peningkatan imej dan iklim pelaburan telah menarik banyak pelaburan dalam sektor perindustrian dan perkhidmatan. Penumpuan aktiviti ekonomi ini mendorong perkembangan bandar berhampiran metropolis Kuala Lumpur khususnya Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, Klang, Selayang, Ampang Jaya dan Kajang (Lihat Jadual 3). Bagaimanapun, perkara yang lebih menarik ialah pertumbuhan bandar kecil dan pemandaran desa di pinggiran WML (Jadual 5).

Jadual 5. Pertumbuhan penduduk petempatan terbandar di pinggir
 Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat, 1991-2000

Daerah pinggir metropolitan Lembah Klang-Langat (zon luaran)	Bandar dan petempatan pusat utama yang mengalami pambandaran (Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan)	Jumlah penduduk petempatan dan kawasan tepu bina		Kadar pertumbuhan tahunan (%)
		1991	2000	
Kuala Langat	Banting, Jenjarum, Tanjung Sepat, Telok Panglima Garang, Sungai Manggis, Telok Datok, Morib & Kanchong, Dusun Durian	46,586	69,176	4.39
Sepang	Salak Tinggi, Dengkil, Sungai Pelek, Putrajaya (WP), Sepang, Siberjaya	13,590	38,592	11.60
Kuala Selangor	Kuala Selangor, Tanjung Karang, Kuala Sungai Buluh, Kampung Kuantan, Pasir Penambang, Jeram, Sg. Sembilang, Bukit Rotan, Asam Jawa	34,645	45,335	2.99
Hulu Selangor	Kuala Kubu Baru, Hulu Yam Baru, Rasa, Serendah, Batang Berjuntai, Bukit Beruntung, Kalumpang, Ijok, Batang Kali, Sungai Choh, Kerling, Hulu Yam Lama, Ulu Bernam, Ulu Kali	43,644	84,285	7.31
Seremban	Seremban, Nilai, Pajam, Mantin, Mambau, Paroi, Rahang, Rasah, Sikamat, Batang Benar, Labu, Broga, Kuala Sawah, Batu Lapan, Lenggeng, Pantai, Rantau, Sagga, Sg. Gadud, Ulu Beranang	200,126	261,214	2.96

Sumber: Diolah berdasarkan Malaysia. 2001. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2000: Laporan Kiraan Permulaan bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Jadual 5 juga menunjukkan perkembangan pesat banyak bandar kecil di zon luaran WML Lembah Klang-Langat seperti Banting, Salak Tinggi, Sungai Pelek, Banting, Tanjung Sepat, Jenjarum, Telok Panglima Garang, Semenyih, Dengkil, Sepang dan Nilai di Koridor Selatan Selangor; dan Rawang, Serendah, Batang Berjuntai, Batang Kali dan Rasa di

Koridor Utara Selangor. Bagi tempoh 1991-2000 kadar pertumbuhan penduduk bandar kecil tersebut rata-rata tinggi melebihi 6.0 peratus. Kadar ini jauh mengatasi kadar pertumbuhan penduduk Kuala Lumpur bagi tempoh yang sama. Hal ini menunjukkan bahawa zon luaran ini sedang mengalami pambandaran yang pesat. Pambandaran telah mempercepatkan proses transformasi desa-bandar di WML Lembah Klang-Langat.

Perkembangan petempatan di sekitar bandar raya metropolitan merupakan proses awal pembentukan bandar raya mega. Di Asia Tenggara, bandar raya mega merupakan wilayah perbandaran atau konurbasi yang menggabungkan bandar raya metropolitan dan bandar lain, termasuk petempatan desa-kota di pinggiran yang digelar WML (McGee 1991, 1995; Macleod & McGee 1996; Jones 2002). Pada prinsipnya, Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat yang menggabungkan bandar raya metropolitan Kuala Lumpur dengan bandar besar lain iaitu Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang, Shah Alam, Selayang, Ampang Jaya dan Kajang, termasuk bandar kecil serta kawasan desa di sekitarnya, belum lagi boleh digelar bandar raya mega. Bagaimanapun, konurbasi tersebut sering dirujuk sebagai WML, iaitu tahap awal pembentukan wilayah bandar raya mega. Wilayah ini adalah kawasan yang dinamik. Kawasan yang paling dinamik adalah zon peri-bandar yang terletak di pinggiran wilayah metropolitan tersebut. Hal ini kerana kawasan tersebut adalah zon yang banyak menerima migran. Perubahan guna tanah juga berlaku dengan amat pesat. Sebahagiannya terancang tetapi ada juga guna tanah dan petempatan yang kurang terancang. Rata-rata persekitaran dan kualiti rumah kediaman di zon ini tinggi (Katiman Rostam & Ashyniza Kamal 2004). Namun, oleh kerana wilayah pinggiran ini menggabungkan guna tanah desa dan bandar tanpa ada batasan sempadan atau dikotomi desa-bandar yang jelas, jadi seperti yang disebutkan sebelum ini, zon luaran WML tersebut adalah kawasan peri-bandar yang masih belum sepenuhnya terbandar.

Perubahan letakan aktiviti industri pembuatan dari zon teras sekitar bandar raya metropolitan ke pinggir di Lembah Klang-Langat diikuti oleh pembinaan rumah kediaman dan kemudahan yang lainnya sama ada secara terancang atau tidak terancang. Zon peri bandar ini adalah wilayah interaksi ekonomi yang aktif. Isi rumah zon pinggir WML ini adalah pembekal tenaga kerja yang relatif murah bagi pelbagai aktiviti ekonomi sama ada di bandar atau kawasan pinggirannya. Namun begitu, tidak ramai pekerja yang terlibat dengan sektor primer malah aktiviti pertanian semakin berkurangan akibat penjualan ladang yang dahulunya dimiliki oleh syarikat asing kepada korporat dan pemaju hartanah. Banyak tanah pertanian ladang telah dimajukan menjadi kawasan perumahan dan bandar baru. Bagaimanapun, di zon ini juga masih wujud gejala kemiskinan seperti yang tergambar

melalui keadaan rumah kediaman dan status sosioekonomi penduduknya. Walaupun gejala kemiskinan tersebut tidak meluas dan terkawal, keadaan ini boleh menjadi hambatan kepada kemajuan kawasan pinggiran WML Lembah Klang-Langat.

Berbeza dengan zon luaran bagi bandar raya metropolitan seperti Jakarta, Manila dan Bangkok, zon peri-bandar EML Lembah Klang-Langat terletak kurang 30 kilometer dari pusat metropolis yang terhampir (Kuala Lumpur). Zon peri-bandar ini diselang-seli dengan kehadiran bandar kecil dan kawasan perumahan terancang dan tidak terancang. Bagaimanapun, oleh kerana kawasan tersebut disediakan dengan pelbagai kemudahan asas seperti air bersih, tenaga elektrik, telefon, serta perkhidmatan sosial selain dihubungkan dengan lebuh raya atau jalan raya yang baik dengan bandar raya metropolitan (Katiman Rostam & Ashyniza Kamal 2004), kehidupan penduduk di zon ini tidak banyak berbeza dengan keadaan kehidupan di bandar dalam zon dalaman dan zon teras WML. Lazimnya isi rumah yang tinggal di zon ini berulang-alik sama ada berkenderaan sendiri atau dengan bas ke bandar atau kawasan luar hingga sejauh 50 kilometer untuk bekerja dalam sektor bukan pertanian, khususnya di kilang dan institusi perkhidmatan. Isi rumah di sini menikmati kemudahan hidup sebaik isi rumah lain yang tinggal di bandar dalam persekitaran desa-kota, dengan kos yang lebih murah. Lazimnya sewa rumah di zon ini jauh lebih rendah (RM150.00 - RM250.00 sebulan bagi rumah yang mempunyai dua atau tiga bilik tidur) berbanding dengan sewa rumah di zon tengah atau pusat (RM500.00 - RM750.00 sebulan bagi sebuah rumah yang mempunyai dua atau tiga bilik tidur). Perbezaan yang mungkin wujud hanyalah pada kualiti binaan rumah sewa tersebut, walaupun baik tetapi kualiti rumah di zon peri-bandar lazimnya lebih rendah.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa zon luaran mempunyai ciri dan kepentingannya yang tersendiri dalam proses pembangunan WML Lembah Klang-Langat. Di sebalik kedudukannya di pinggiran metropolitan, kawasan transisi ini telah menunjukkan perubahan pesat seperti yang dapat diperhatikan pada ciri penduduk dan petempatannya. Perkembangan aktiviti pembuatan dan pertumbuhan penduduk di kawasan teras mulai perlahan kerana kekurangan kawasan yang sesuai dimajukan. Kawasan pinggiran di zon luaran wilayah metropolitan ini menjadi alternatif kepada para pelabur dan penduduk.

KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan impak perkembangan sektor pembuatan dan kini perkhidmatan terhadap proses pembangunan di WML Lembah Klang-Langat.

Perkembangan yang pesat ekonomi perkhidmatan pengeluar yang menumpu ke kawasan teras telah menggalakkan perpindahan dan penempatan semula aktiviti perkhidmatan awam dan pembuatan ke kawasan pinggir di zon luaran wilayah tersebut. Perkembangan ini telah menggalakkan perubahan pesat di kawasan pinggir. Penduduk bandar bertambah dan pembandaran desa berlaku dengan pesat. Bandar kecil yang terancang tumbuh di zon luaran wilayah tersebut. Fenomena ini adalah suatu yang baru di Malaysia kerana sebelum ini pembandaran desa di pinggir metropolitan lebih cenderung membentuk petempatan yang kurang terancang. Pembandaran dalam era globalisasi ini telah merubah corak taburan dan susunan hierarki bandar di wilayah tengah negara ini. Proses rebakan bandar melalui peluasan sempadan tepu bina telah mempercepatkan pertumbuhan konurbasi Lembah Klang-Langat. Dalam masa yang terdekat, WML ini akan membentuk sebuah bandar raya mega yang maju. Bagaimanapun, pemusatan pembangunan dan pembandaran menumpu turut meninggalkan kesan sampingan. Antara kesan yang paling nyata ialah pelebaran pembangunan antara wilayah maju di pusat dan wilayah mundur di pinggir. Malah terdapat juga kecenderungan bertambah lebarnya jurang pendapatan antara kumpulan penduduk yang mempunyai status ekonomi berbeza di WML tersebut. Masalah lain seperti pencemaran dan kemerosotan kualiti alam sekitar, kesesakan lalu-lintas, kemiskinan dan kekurangan rumah kediaman kos rendah, juga kian serius. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa dasar pembangunan wilayah yang berteraskan metropolitan, tidak dinafikan memang dapat membantu memesatkan kadar pertumbuhan ekonomi dan wawasan pembangunan negara secara keseluruhannya. Namun dasar ini perlu digandingkan dengan dasar pembangunan yang lebih konkrit dan keprihatinan terhadap kumpulan penduduk dan wilayah dalam negara yang masih ketinggalan. Hal ini penting untuk mengekalkan kestabilan negara.

Rujukan

- Dicken, P. 1992. *Global shift: the internationalization of economic activity*. Second Edition. London: Paul Chapman Pub.
- Fatimah Yusof, Katiman Rostam & Fadhil Haji Abdullah. 2006. Industrial Clustering and Medium Size Cities Competitiveness: An Empirical Evidence from Kuantan, Malaysia. Paper presented in *PRESCO International Conference, Malaysia on a Global Platform*. Kuala Lumpur 18-20 July 2006.
- Fernandez, Johan. 2004. Malaysia Business Friendly. *The Star*, 29 September.
- Gu, C. & Shen, J. 2003. Transformation of urban socio-spatial structure in socialist market economies: the case of Beijing. *Habitat International*, 27: 107-122.

- Habitat 2002. *Cities in a globalizing world: global report on human settlements 2001*. United Nations Centre for Human Settlements (Habitat). London: Earthscan Publications Ltd.
- Hassan Naziri Khalid, Morshidi Sirat & Md. Harashid Haron 2006. *Global competitiveness, high technology electronic industries and the role of air cargo services: a Malaysian case study*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Henderson, J. 1986. The new international division of labour and urban development in the contemporary world system. In D. Drakakis-Smith. (eds.). *Urbanisation in Developing World*. London: Croom Helm.
- Hizral Tazzif Hisham. 2006. Tanjung Ru mahu labur RM2.5b di Pulau Carey. *Berita Harian*. 10 October.
- Jones, G.W. 2002. Southeast Asian urbanization and the growth mega-urban regions. *Journal of Population Research*. 1-6 November.
- Katiman Rostam. 2004. Migrasi ke kawasan pinggir Wilayah Metropolitan Lembah Klang. Paper presented at the International Conference on Social Sciences and Humanities. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 14-16 December.
- Katiman Rostam & Ashyniza Kamal. 2004. Pemandaran desa dan perubahan rumah-rumah orang Melayu di pinggir Lembah Klang: keadaan di Mukim Dengkil, Selangor. Paper presented at the National Seminar on Geography and Environment 2004. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim. 3-4 July.
- Knox, P.L. & Taylor, P.J. (eds.). 1995. *World cities in a world system*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kombe, W.J. 2005. Land use dynamics in peri-urban areas and their implications on the urban growth and form: the case of Dar es Salaam, Tanzania. *Habitat International* 29: 113-135.
- Lee Boon Thong. 1996. Emerging urban trends and the globalizing economy in Malaysia. In Fu-Chen Lo & Yue-Man Yeung. (eds.). *Emerging world cities in Pacific Asia*. Tokyo: United Nation University Press.
- Macleod, S. & McGee, T.G. 1996. The Singapore-Johore-Riau Growth Triangle: an emerging extended metropolitan region. In Fu-chen Lo & Yue-man Yeung. (eds.). *Emerging World Cities in Pacific Asia*. Tokyo: United Nations University Press.
- McGee, T.G. 1991. The emergence of desa kota regions in Asia: expanding a hypothesis. In N. Ginsburg, B. Koppel & T.G. McGee. (eds.). *The Extended Metropolis: Settlement Transition in Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- McGee, T. G. 1995. Metrofitting the emerging mega-urban regions of ASEAN: an overview. In T.G. McGee & Ira Robinson. (eds.). *The mega-urban regions in Southeast Asia, policy challenges and responses*. Vancouver: University of British Columbia Press.
- Malaysia. 2001. *Eighth Malaysia Plan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Marshall, R. 2003. Asia Megacities. In El-Khoury (et al.). (eds.). *Shaping the city*. New York: Routledge.
- MIDA 2004. Malaysia – world's 5th. Most competitive country. Communication and Media Division MIDA. 5 July.

- MIDA. 2006. Annual Report Malaysian Industrial Development Authority (MIDA). Kuala Lumpur: Ministry of International Trade and Industry .
- Mittelman, J. (ed.). 1996. *Globalization: critical reflections*. Boulder & London: Lynne Reiner Publishers.
- Morshidi Sirat & Suriati Ghazali. 1999. Globalization of economic activity and the third world cities: a case study of Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- MTEN. 1998. *Pelan pemulihan ekonomi negara: agenda tindakan*. (synopsis). Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Olds, K. 2001. Globalization and urban change: capital, culture and Pacific-Rim mega-projects. New York: Oxford University Press.
- Perry, M. 1995. New corporate structures, regional office and Singapore new economic directions. *Singapore Journal of Tropical Geography*. 16 (2): 181-97.
- Poon, J.P.H. 2003. Trade networks in Southeast Asia and emerging patterns. In Chia Lin Sien. (ed.). *Southeast Asia transformed: a geography of change*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Sassen, S. 2000. *Cities in a world economy*. Thousand Oaks: Sage.
- Slater, D. 1986. Capitalism and urbanisation at the periphery: problems of interpretation and analysis with special reference Latin America. In D. Drakakis-Smith. (ed.). *Urbanisation in the developing world*. London: Croom Helm.
- United Nations. 2004. *World Investment Report: The Shift Toward Services*. New York: United Nations Conference on Trade and Development.